

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 DISEMBER 2013 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cuaca diramal baik menjelang persekolahan	Utusan Malaysia
2.	Kerajaan akan usahakan bantuan tambahan untuk mangsa banjir - Najib	Bernamea.com
3.	Improve warning system	New Straits Times
4.	Prepare for devastating cyclones	The Star
5.	Angan – angan jadi kenyataan	Berita Harian
6.	Photo of flooded factory a fake, says Lynas	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 21 DISEMBER 2013 (SABTU)

**Cuaca diramal
baik menjelang
persekolahan**

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Keadaan cuaca di negeri Pantai Timur dan Johor dijangka baik menjelang pembukaan sesi baharu persekolahan Januari ini.

Pegawai Kaji Cuaca Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Khairul Najib berkata, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dijangka mengalami hujan di beberapa kawasan berhampiran pantai di sebelah pagi.

"Arah pergerakan angin monsun timur laut sentiasa berubah menyebabkan cuaca di sebelah petang di kawasan pantai kembali normal manakala kawasan pedalaman pula mengalami hujan.

"Hujan bagaimanapun normal dan bukan berterusan atau lebat yang boleh menyebabkan banjir," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Khairul, bagi negeri lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pula, cuaca dijangka cerah pada sebelah pagi manakala hujan di sebelah petang.

Katanya, fenomena itu juga tidak menyebabkan gelombang kedua banjir di Pantai Timur dan Johor.



Kerajaan Akan Usahakan Bantuan Tambahan Untuk Mangsa Banjir - Najib

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri berkata kerajaan akan berusaha mencari sumber dan bantuan tambahan bagi membantu meringankan beban mangsa banjir, disamping bantuan RM500 yang diumumkan sebelum ini.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata berdasarkan pemerhatian sekitar lawatan banjir di Pahang, telah memberi gambaran kepadanya mengenai kerugian yang terpaksa ditanggung setiap keluarga.

"Walaupun kerajaan pusat telah meluluskan bantuan khas bernilai RM500, saya akui jumlah tersebut tidak memadai.

"Atas kesedaran ini, pihak kerajaan akan berusaha mencari sumber dan bantuan tambahan untuk disalurkan kepada mangsa dalam usaha untuk meringankan beban mereka," kata Najib dalam status terbarunya di laman Facebook.

Awal bulan ini, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor dilanda banjir buruk susulan hujan lebat berterusan serta limpahan air sungai di beberapa kawasan, menyebabkan ribuan penduduk terpaksa berpindah selain kehilangan harta benda.

Dalam pada itu, [Jabatan Meteorologi](#) meramalkan penduduk di kawasan Pantai Timur bakal berdepan kemungkinan berlakunya gelombang kedua banjir antara 25 hingga 28 Dis ini ketika air laut pasang yang disertai ombak besar.

-- BERNAMA

Improve warning system

WHILE the nation anxiously awaits the arrival of the second wave of monsoon floods, they should also be aware of another potentially devastating weather phenomenon that normally arrives at the end of the year — tropical cyclones. Although cyclones bring floods and strong waves to coastal communities, they have another devastating effect which can affect people living further inland, and that is severe landslides.

Although academics claim the country is free of tropical cyclones since we are located near to the equator, we have been struck by two devastating tropical cyclones in the last two decades — Tropical Storm Greg (Dec 26, 1996) in Sabah and Typhoon Vamei (Dec 27, 2001)



Tropical cyclones bring floods and strong waves to coastal communities, as well as create severe landslides.

in Johor.

Many lives were lost and many homes were damaged. In both cases, the **Meteorological Department** reportedly failed to warn the public that a cyclone was approaching the

mainland "in order not to cause panic".

Although the department claimed it would revamp the criteria to severe weather warning about a year ago after the dangers

of cyclones were highlighted, nothing seems to have been done.

Hence, the department's website's information about possible impacts of a typhoon is still stated as "swift water currents can be dangerous to children playing besides monsoon drains and river banks".

Nothing is mentioned about the possible occurrences of landslides.

Since cyclones can penetrate deep inland, as Greg and Vamei showed, severe landslides can cause many casualties among those living in the highlands and near hillslopes.

Let us hope that the authorities are better prepared in case another rogue tropical cyclone decides to make a landfall in this country.

Zahar, Kuala Lumpur

Prepare for devastating cyclones

WHILE the nation anxiously waits the "second wave" of monsoon floods, they should also be aware of another potentially devastating weather phenomenon that normally arrives at the end of the year, the tropical cyclones.

Although tropical cyclones bring floods and strong waves to coastal communities, they can have devastating effect on people living further inland and that is severe landslides.

Although some senior academics have claimed that the country is free of tropical cyclones since we are located near to the equator, we have been struck by two devastating tropical cyclones within the last two decades,

Tropical Storm Greg (Dec 26, 1996) in Sabah and Typhoon Vamei

(Dec 27, 2001) in Johor.

In both these cyclones, many lives were lost and many homes were damaged.

In these events, the **Meteorological Department** reportedly failed to warn the public that a tropical cyclone was approaching the mainland "in order not to cause panic". (http://weather.ou.edu/~spark/AMON/v1_n1/GREG.html; <http://news.sciencemag.org/2003/04/rarest-typhoon>)

Although the department claimed that they would revamp the criteria to a severe weather warning about a year ago, after the dangers of tropical cyclones were highlighted, nothing seems to have been done.

Hence, the department's website

information about the possible impact of a typhoon is still stated as "Swift water currents can be dangerous to children playing besides monsoon drains and river banks".


Nothing is mentioned about the possible occurrence of landslides.

Since tropical cyclones can penetrate deep into the mainland, as Greg and Vamei have shown, severe landslides can cause many casualties among those who live in the highlands and on hill slopes.

Let us hope that the authorities are better prepared in case another rogue tropical cyclone decides to make landfall in this country.

ZAHAR
Kuala Lumpur

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INSPIRASI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 21 DISEMBER 2013 (SABTU)



Angan-angan jadi kenyataan

» Gunakan bahan terpakai untuk hasil
baling-baling buatan tempatan



“
SAYA MAHU TERBANG SEPerti
BURUNG BEBAS MENEROKA
KEINDAHAN ALAM MENERUSI
ANGKASA SERTA MELIHAT DUNIA
DARIPADA ATAS. SUKAR MAHU SAYA
TERANGKAN PERASAAN ITU...”

Mujid Ahmad Abdul Rashid



Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Melihat helikopter dan kapal terbang turun naik berhampiran lapangan terbang Sungai Besi tidak jauh dari Kampung Dato Abu Bakar Baginda, Bangi adalah satu pengalaman yang tidak dilupakan malah menjadi pendorong untuk Mujib Ahmad Abdul Rashid 'terbang'.

Ketika usia seawal enam tahun lagi, dia sudah berangan untuk terbang seperti kapal terbang dan burung yang nampak bebas berterbangan. "Malah, seawal usia itu saya ingat kapal terbang dan helikopter yang sering dilihat itu kecil dan boleh di ambil jika saya cukup tinggi menggapai awan mendapatkannya," katanya.

Apabila masuk alam persekolahan barulah dia faham

bahawa kapal terbang dan helikopter itu satu kenderaan yang besar dan nampak kecil ketika terbang di angkasa. Namun, hasrat untuk terbang tidak pernah terbantut, malah terus berazam satu hari nanti akan terbang bebas seperti burung.

Hasrat mahu terbang

Bercerita lanjut, katanya hasrat terbang terus ada dalam diri tetapi beliau bukannya mahu menjadi juruterbang kerana padanya terbang di angkasa bebas tidak sama jika menjadi pemandu kapal terbang atau helikopter.

"Saya mahu terbang seperti burung bebas meneroka keindahan alam menerusi angkasa serta melihat dunia daripada atas. Sukar mahu saya terangkan perasaan itu... tapi saya sendiri tidak percaya yang akhirnya saya benar-benar dapat terbang seperti mana yang diinginkan.

"Semuanya bermula ketika



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INSPIRASI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 21 DISEMBER 2013 (SABTU)



FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN, SHARUL HANIZAM / BHI



bekerja di Indonesia, apabila melihat demonstrasi pertunjukan paramotor. Saya mula sedar bahawa cita-cita untuk terbang saya mungkin akan jadi kenyataan jika saya terbabit dalam sukan berkenaan.

"Selepas pertunjukan berkenaan, entah bagaimana saya bertemu rakan yang terbabit dalam sukan berkenaan dan mula menceburinya sehingga saya kini menjadi jurulatih paramotor sejak enam tahun lalu," katanya.

Buat sendiri 'Propeller'

Mula terbabit dalam sukan paramotor pada 2004, Mujib Ahmad asalnya menjadikannya aktiviti hujung minggu dan hobi semata-mata dan tidak menjangka bertukar menjadi kerjayanya.

Sukan yang dianggapnya sukan sederhana dan tidak mengeluarkan perbelanjaan yang besar itu mempunyai risikonya sendiri seperti masalah enjin jentera paramotor selain kerosakan pada 'propeller' atau kipas paramotor juga dipanggil baling-baling.

Jika membabitkan enjin selalunya tiada masalah untuk menggantikannya kerana mudah diperolehnya di dalam negara tetapi jika kipas rosak akan perlu menempahnya dari luar negara terpaksa menunggu lama selain harga lebih mahal.

Bertitik tolak dari itu, Mujib Ahmad terfikir untuk membuat sendiri kipas bagi mengatasi masalah mendapatkan bekalan selain memikirkan harga yang mahal.

Cerita Mujib, percubaan pertama membuat kipas menggunakan kayu perabot terpakai yang dilakukan secara suka-suka kerana beliau memang sukakan kerja kayu.

"Percubaan itu berjaya dan bermula dari situ saya terus membuat lebih banyak kipas paramotor semuanya untuk kegunaan sendiri. Selepas kawan-kawan mendengar saya membuat sendiri kipas berkenaan, ramai yang menempah

dan kini tidak sangka saya buat satu industri di belakang rumah," katanya.

Kipas paramotor yang dijual Mujib Ahmad lebih murah antara RM300 hingga RM600 berbanding yang dibeli di luar negara berharga RM800 hingga RM1,000 setiap pasang.

Harga kipas ditentukan berdasarkan saiz, bilangan lapisan yang digunakan serta jenis kayu. Penghasilan kipas paramotor membabitkan beberapa lapisan kayu (biasanya antara tiga hingga lima) atau jenis kayu yang digunakan, biasanya damar minyak, rengas dan nyatoh.

Kipas ini selain digunakan untuk paramotor juga digunakan untuk pesawat ringan, hovercraft dan bot udara (airboat).

Guna bahan terpakai

Beliau berkata dengan sumber kewangan yang terhad tanpa sebarang pembiayaan menyebabkan kebanyakan peralatan dan jentera untuk bengkelnya dihasilkan sendiri.

Maka jika berkunjung ke bengkel belakang rumahnya di Kampung Dato Abu Bakar Baginda, akan melihat ketuhar cat dan gam menggunakan ketuhar masakan milik isterinya.

Ada banyak lagi peralatan barang terpakai yang diubahsuai dan digunakan semula. Bukan sekadar menjimatkan malah sangat kreatif dan inovatif.

Ditanya kemahiran untuk mengubahsuai peralatan berkenaan, katanya pengalaman mengajarnya selain sikap berani melakukan percubaan serta belajar daripada kesilapan.

"Sejak kecil lagi saya suka membuat pelbagai projek dan eksperimen, malah di sekolah rendah lagi saya sudah membuat ujian menghidupkan mentol, sedangkan ia hanya diajar di sekolah menengah," katanya yang hanya belajar sehingga tingkatan lima.

Jejak Idea Inovasi

Sejak aktif membuat kipas paramotor, Mujib Ahmad banyak mengikuti pelbagai pameran termasuk kraf tangan kerja kayu, sukan permotoran dan usahawan kecil dan sederhana tetapi sukar mendapatkan pembiayaan kerana peralatan hasil inovasi beliau sukar ditentukan kategori.

"Saya berterima kasih kerana banyak agensi kerajaan memanggil dan beri peluang untuk mempamer dan promosi hasil kerja saya, namun produk dihasilkan tidak boleh diklasifikasi sebagai produk kraf tangan mahu pun kerja kayu menyukarkan mendapat pembiayaan," katanya.

Namun, selepas melihat rancangan *Jejak Inovasi* di RTM1, Mujib Ahmad mendapat idea untuk menghubungkan penganjur dan memperkenalkan produknya.

Dengan bantuan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), dia menerima bantuan dan pembiayaan, pendedahan serta penyertaan pameran inovasi selain menjalin kerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur (UnikL) bagi penghasilan propeller ini.

Tercalon Anugerah Inovaasi Negara

Mujib Ahmad dicalonkan untuk Anugerah Inovaasi Negara anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sempena Forum Inovasi Dunia Kuala Lumpur 2013 (WIFKL 2013).

Kipas yang dihasilkan beliau melalui Syarikat Perkasa Prima Enterprise Sdn Bhd miliknya menjadi pembekal utama kipas untuk pasukan komando polis (VAT 69), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dengan dua pembantu selain beliau sendiri, bengkelnya mampu menghasilkan sehingga 20 kipas sebulan dan kini merancang untuk mewujudkan mesin pemotong automatik yang boleh menghasilkan lebih banyak produk dalam satu masa.

Mengakhiri pertemuan dengan beliau petang itu, Mujib Ahmad menghargai bantuan yang diberikan YIM yang banyak membantu serta menjejak rakyat Malaysia yang kreatif dalam menghasilkan pelbagai inovasi, sesuai semangat Malaysia Boleh yang dilaungkan.



Photo of flooded factory a fake, says Lynas

By **ONG HAN SEAN**

hansean@thestar.com.my

KUANTAN: Rare earth refiner Lynas Corporation maintains that its refinery in Gebeng here was not inundated in the recent floods, in response to a widely circulated photograph claiming to show that the factory was inundated.

A Lynas spokesman said the photograph, allegedly showing two of the company's employees rowing a

boat in a flooded factory, was a fake.

"I can confirm the image is a fake.

The Lynas Advanced Materials Plant is situated inside the Gebeng Industrial Park and the entire park is on high ground, and was not flooded," the spokesman said when contacted via email yesterday.

The photograph, which was posted on the "Pahang Don't Need Hazardous Project" Facebook page, has been making its rounds on social media.

Commenting on the fatal accident of Lynas engineer Mohamad Fadzli Mohamad Rafdzi on Dec 13, the spokesman said a post-mortem by the hospital had determined that the cause of death was acute heart attack coupled with drowning.

"The recent incident is a tragic event and we are all deeply upset by what occurred. Our deepest sympathies are with the family of the deceased.

"We are extending our full coop-

eration to the Department of Occupational Safety and Health in its investigation into this incident and will prefer to wait for the official investigation report before commenting further.

"Lynas is a company which has always valued the safety of our people as our number one priority, and we continue to do so," he said.

Mohamad Fadzli, 33, was believed to have slipped before falling into a pond at the plant.